



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Promoting Seamless Cross Border Education



Our People, Our Community, Our Vision
Malaysia 2015

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGANSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Tingkat 14 B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 603-7968 7002
Faks: 603-7956 9496
Laman web: www.mqa.gov.my

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 (16)

Tarikh : 23 Disember 2015

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 5/2015

PEMANSUHAN PENGELUARAN 'PERAKUAN MEMENUHI KEPERLUAN KUALITI (CERTIFICATE OF QUALITY COMPLIANCE, CQC)' DALAM PROSES MENDAPATKAN AKREDITASI SEMENTARA DAN KEPERLUAN MEMATUHI KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK, MQF), STANDARD DAN DASAR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Makluman MQA Bil. 1/2010 bertarikh 1 April 2010.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah membuat penambahbaikan dalam proses penilaian jaminan kualiti MQA dengan memansuhkan pengeluaran CQC. Justeru, **MQA akan terus mengeluarkan surat perakuan akreditasi sementara berkuatkuasa mulai Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) Bil. 1/2016.** Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) boleh menggunakan surat perakuan akreditasi sementara tersebut untuk mendapatkan kelulusan pengendalian program daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau agensi berkaitan sebelum program boleh dikendalikan.

3. Pemansuhan pengeluaran CQC ini merupakan penambahbaikan proses dalaman MQA dan tidak memerlukan tindakan di pihak PPT. Ia juga tidak melibatkan sebarang perubahan pada fi dan borang yang digunakan untuk memohon akreditasi sementara (Borang A). Walau bagaimanapun, borang perakuan akreditasi sementara telah ditambah baik selaras dengan perubahan ini seperti di **Lampiran 1**. Aliran proses jaminan kualiti bagi permohonan akreditasi sementara susulan pemansuhan CQC adalah seperti di **Lampiran 2**.

4. Bagi membantu PPT melengkapkan borang perakuan akreditasi sementara, maklumat berkenaan keputusan MJA akan dimuatnaik di laman web MQA satu hari selepas mesyuarat bersidang. Tarikh setiap MJA akan turut dipaparkan sebagai rujukan.

5. Tempoh sahlaku perakuan akreditasi sementara berdasarkan proses baru ini ialah:

- i. Lima tahun daripada tarikh surat perakuan akreditasi sementara bagi program yang diluluskan tanpa syarat. PPT perlu memastikan pelajar kohort pertama boleh melalui proses akreditasi penuh sebelum tempoh akreditasi sementara berakhir; atau
- ii. Dua tahun daripada tarikh surat perakuan akreditasi sementara bagi program yang diluluskan bersyarat. PPT bertanggungjawab untuk mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam tempoh yang ditetapkan sama ada enam bulan atau satu tahun seperti yang dinyatakan dalam surat perakuan akreditasi sementara. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan perakuan akreditasi sementara dibatalkan. Tempoh sahlaku perakuan akreditasi sementara hanya boleh diperbaharui setelah PPT mengambil tindakan mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan.

6. Selaras dengan keputusan ini, **Surat Makluman MQA Bil. 1/2010 bertarikh 1 April 2010 berkaitan perubahan dan prosedur baru dalam proses penilaian jaminan kualiti MQA adalah terbatal.** MQA memohon agar semua PPT mengambil maklum akan perubahan dan prosedur baru dalam proses penilaian jaminan kualiti MQA yang akan dilaksanakan. MQA ingin mengingatkan bahawa surat perakuan akreditasi sementara tidak boleh menggantikan surat kelulusan pengendalian program oleh KPT dan tidak boleh disalah guna untuk mengelirukan orang awam.

7. PPT juga perlu memastikan semua program mematuhi MQF, dasar, standard dan kriteria yang ditetapkan ketika mengemukakan permohonan akreditasi sementara supaya proses penilaian dapat dilaksanakan dengan lancar. Perkara ini telah dititikberatkan seperti dalam Surat Makluman LAN Bil. 1/2007 bertarikh 1 Oktober 2007 dan Surat Makluman MQA Bil. 3/2015 bertarikh 29 Jun 2015.


8. PPT juga diminta mengambil perhatian akan peruntukan Seksyen 38(4) Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) bahawa PPT perlu mengemukakan dokumen dan maklumat tambahan dalam tempoh yang dinyatakan. Seksyen 38(5) pula memperuntukkan bahawa permohonan hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidak boleh diteruskan jika dokumen dan maklumat tambahan tersebut tidak dikemukakan dalam tempoh yang dinyatakan atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan.

9. Untuk pertanyaan lanjut, PPT boleh menghubungi Puan Zakiah Binti Abdul Wahab di talian 03-7968 2276, emel zakiah@mqa.gov.my atau Cik Junaidah Binti Mohamad Aris di talian 03-7968 3256, emel junaidah@mqa.gov.my atau Puan Fazliana Binti Mohamed di talian 03-7968 8813, emel fazliana@mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-7968 7044
No. Faks : 03-7956 9496
Emel : mrujhan@mqa.gov.my

s.k.

1. YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
2. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
3. YBhg. Ketua Pengarah
Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
4. YBhg. Ketua Pengarah
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. Putrajaya
5. YBhg. Ketua Pengarah
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. Putrajaya
6. Ketua Eksekutif
Ibu Pejabat Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Lot G2, Tingkat Bawah
Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Suite A-21-1, Level 21
157 Hampshire Place Office
1, Jalan Mayang Sari
50450 Kuala Lumpur

LAMPIRAN 1

Borang Permohonan Untuk Mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara

Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia
Tingkat 14B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN
(u:p. Unit Keurusetiaan)

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA

Nama PPT : _____

Alamat PPT : _____

No.Tel: _____ No. Faks: _____ E-mel: _____

Nama Program : _____

No. Rujukan Program : MQA/PA _____

- i. *Demand Draft* RM 100.00 (No.: _____) dibayar kepada 'Agensi Kelayakan Malaysia' dan salinan *Demand Draft* tersebut (Sila catatkan nama Pemberi Pendidikan Tinggi di belakang *Demand Draft*).

.....
Tandatangan dan Nama
Naib Canselor / Ketua Eksekutif Pemberi Pendidikan Tinggi

Cop Rasmi:


Tarikh:

Catatan:
Surat Perakuan Akreditasi Sementara akan diserahkan selepas tempoh tujuh hari bekerja daripada tarikh keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA).


Kegunaan Unit Keurusetiaan: (Pengecahan)

Nama Pegawai:
Tandatangan :
Tarikh :

Aliran Proses Jaminan Kualiti Bagi Akreditasi Sementara Bermula 1 Januari 2016



Proses Permohonan Akreditasi Sementara Bermula 1 Januari 2016



PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
MJA	Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi

*Ini merupakan tempoh untuk program bukan profesional sahaja. Bagi program profesional, tempoh adalah tertakluk kepada penilaian badan profesional berkaitan.